

02 SEP 2002

Chong-Pendatang/I

OPS TERHADAP PENDATANG TANPA IZIN AKAN DITERUSKAN - KM SABAH

KOTA KINABALU, 2 Sept (Bernama) -- Penghantaran pulang pendatang tanpa izin ke Filipina akan ditangguhkan tetapi operasi terhadap warga asing yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah, termasuk warga Filipina, akan diteruskan, kata Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

"Pada dasarnya permintaan Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo ialah bagi Malaysia menghentikan proses penghantaran warga Filipina bagi memberikan mereka peluang untuk melihat bagaimana pendatang dilayan semasa dalam tahanan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri di sini.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia telah bersetuju untuk menghentikan sementara penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina atas permintaan Presiden Filipina.

Ini bagi membolehkan Manila menghantar pegawainya untuk memeriksa pusat-pusat tahanan ekoran laporan media mengenai dakwaan layanan buruk ke atas pendatang tanpa izin.

Sepasukan pegawai yang diketuai oleh penasihat presiden Nur Jaafar akan tiba di sini dari Manila tengah hari ini untuk melihat sendiri keadaan di pusat-pusat tahanan di Menggatal, dekat sini dan di Sandakan dan Tawau di pantai timur Sabah.

Pasukan itu terdiri pegawai kanan dari Jabatan Buruh dan Pekerjaan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kebajikan serta Jabatan Pertahanan dan akan pulang ke Manila pada Khamis.

Chong yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri berkata: "Lawatan ini adalah untuk mengkaji dan melihat keadaan sebenar dalam tahanan. Sama ada keadaannya adalah seperti yang digambarkan oleh media Filipina, terpulanglah kepada mereka untuk menilai."

Ketua Menteri berkata Sabah mengalu-alukan kedatangan pasukan pegawai itu dan akan memudahkan lawatan mereka ke tiga pusat tahanan itu.

"Kita gembira kerana mereka datang untuk melihat orang mereka sendiri di sini," kata Chong.

Ketika diminta mengulas dakwaan layanan buruk ke atas pendatang tanpa izin Filipina, Chong berkata: "Kita telah berulang kali katakan bahawa kita tidak pernah menerima sebarang aduan daripada sesiapa sama ada daripada pihak kedutaan atau mereka yang telah lama tinggal di sini dan telah menikmati pelbagai manfaat dan kemudahan."

"...Sekiranya benar kita melayan mereka dengan buruk, oleh itu kenapa mereka enggan pulang? Sekiranya itu yang berlaku, adakah mereka mahu datang ke sini walaupun tanpa dokumen? Secara logiknya anda boleh tahu bahawa negeri ini adalah syurga bagi mereka atau jika tidak sudah tentu mereka tidak mahu datang ke sini," kata Ketua Menteri.

Chong berkata Sabah telah mematuhi semua peraturan mengenai layanan terhadap para tahanan.

"Sesiapa antara mereka yang menghadapi masalah kesihatan, kita akan sentiasa pastikan mereka menjalani rawatan perubatan. Kita mempunyai banyak kes di mana perhatian segera telah diberikan kepada mereka yang sakit," katanya.

-- BERNAMA

JS AAM RHM